



JABATAN KETUA MENTERI SARAWAK
(UNIT SUMBER MANUSIA NEGERI)
TINGKAT 9, 10 & 11, WISMA BAPA MALAYSIA
PETRA JAYA, 93502 KUCHING, SARAWAK

Talian Am: 082-441957
No. Faks: 082-445637
Laman Web: <http://www.shru.sarawak.gov.my>



PEKELILING PERJAWATAN NEGERI SARAWAK BILANGAN 3 TAHUN 2017

DARIPADA : Setiausaha Kerajaan,
Sarawak

KEPADA: Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Setiausaha Tetap
Kementerian
Semua Residen dan Pegawai Daerah
Semua Ketua Badan Berkanun
Negeri
Semua Setiausaha Majlis
Bandaraya /Perbandaran / Daerah

SALINAN : Pengarah Audit Negeri
KEPADA

PERKARA: Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 : Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di bawah Sistem Saraan Malaysia dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2011 : Kelayakan Sijil Kemahiran Malaysia Bagi Maksud Pelantikan Ke Perkhidmatan Awam

RUJ. KAMI : (28)JKM/SHRU/OD/100-2/1/Jld. 2 **TARIKH :** 31.03.2017

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk **menerima pakai sepenuhnya** Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 : Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2011 : Kelayakan Sijil Kemahiran Malaysia Bagi Maksud Pelantikan Ke Perkhidmatan Awam.

"Together We Drive The Workforce In The Civil Service To Be World Class"

BAHAGIAN PEMBANGUNAN ORGANISASI

No. Telefon: 082-446415
No. Faks: 082-443970

BAHAGIAN PENGURUSAN BAKAT

Seksyen Pengambilan
No. Telefon: 082-319946
No. Faks: 082-311478

Seksyen Pembangunan Kerjaya
No. Telefon: 082-446355
No. Faks: 082-311473

Seksyen Kemudahan & Anugerah
No. Telefon: 082-312548
No. Faks: 082-445618

Seksyen Latihan

BAHAGIAN POLISI & KOMUNIKASI SUMBER MANUSIA

Seksyen Pengurusan Maklumat
No. Telefon: 082-449237
No. Faks: 082-449490

Seksyen Komunikasi Sumber Manusia
No. Telefon: 082-448240
No. Faks: 082-440033

Seksyen Transformasi & Inovasi
No. Telefon: 082-313951
No. Faks: 082-312997

BAHAGIAN SOKONGAN PEKERJA

Seksyen Perkhidmatan Sokongan Pekerja
No. Telefon: 082-319941
No. Faks: 082-312923
Seksyen Integriti
No. Telefon: 082-312557
No. Faks: 082-440033

2. LATAR BELAKANG

2.1 **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 : Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia**

2.1.1 Kerajaan Persekutuan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 : Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia (Rujukan: JPA.BPO(S)324/1 Jld. 46 (22)) telah bersetuju melaksanakan perkara – perkara seperti yang dinyatakan dalam **perenggan 5.1 hingga perenggan 5.8** dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016; dan

2.1.2 Kerajaan Negeri Sarawak telah menerima pakai secara separa Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 melalui Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Bilangan 13 Tahun 2016 : Pemberian Faedah Pemindahan Gaji dan Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum Maksimum (Rujukan: (15)JKM/SHRU/OD/100-2/1/Jld.2) bertarikh 1 Julai 2016 yang hanya melibatkan **perenggan 5.1 dan perenggan 5.4** dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016.

2.2 **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2011 : Kelayakan Sijil Kemahiran Malaysia Bagi Maksud Pelantikan Ke Perkhidmatan Awam**

Kerajaan Persekutuan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2011 : Kelayakan Sijil Kemahiran Malaysia Bagi Maksud Pelantikan Ke Perkhidmatan Awam (Rujukan: JPA.BPO(S)130/1/2-5 Jld.6 (24)) telah memaklumkan bahawa kelayakan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia boleh digunapakai bagi maksud pelantikan ke jawatan-jawatan yang bersesuaian dalam perkhidmatan awam.

3. PELAKSANAAN

3.1 **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 : Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia**

3.1.1 Kaedah pelaksanaan bagi penambahan lapisan gred kenaikan pangkat bagi skim perkhidmatan Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah seperti di **perenggan 9** dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 tahun 2016;

3.1.2 Kaedah pelaksanaan bagi pemakaian kelayakan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sebagai syarat KMP dalam skim perkhidmatan berkeelayakan SPM adalah seperti di **perenggan 10** dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 dan dirujuk bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2011;

- 3.1.3 Kaedah pelaksanaan bagi pewujudan skim perkhidmatan bersepadu baharu adalah seperti di **perenggan 13 hingga perenggan 15** dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016;
- 3.1.4 Kaedah pelaksanaan bagi pindaan perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan adalah seperti di **perenggan 16** dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016;
- 3.1.5 Kaedah pelaksanaan bagi pemindahan kelayakan masuk sijil politeknik/sijil setaraf STPM daripada skim perkhidmatan berkelayakan SPM kepada skim perkhidmatan berkelayakan STPM/diploma adalah seperti di **perenggan 27 hingga perenggan 55** dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016; dan
- 3.1.6 Kaedah pelaksanaan bagi penjumudan dan pemansuhan skim perkhidmatan adalah seperti di **perenggan 19 hingga perenggan 20** dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016.

3.2 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2011 : Kelayakan Sijil Kemahiran Malaysia Bagi Maksud Pelantikan Ke Perkhidmatan Awam

3.2.1 Pelantikan

Semua pelantikan ke jawatan-jawatan yang diperuntukkan kelayakan SKM dalam perkhidmatan awam hendaklah menggunakan syarat lantikan baharu seperti yang dinyatakan di **perenggan 6** dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2011.

3.2.2 Pelarasan gaji bagi pegawai yang sedang berkhidmat

- (i) Bagi pegawai yang sedang berkhidmat yang memiliki kelayakan SKM di dalam bidang khusus yang dinyatakan sebagai syarat lantikan baharu dalam skim perkhidmatannya dan gajinya belum mencapai matagaji permulaan baharu pada 1 Julai 2016, maka pelarasan gaji hendaklah diberi ke matagaji permulaan baharu pada tarikh kuat kuasa berkenaan. **Pelarasan ini hanya diberi kepada pegawai yang belum mencapai matagaji permulaan baharu pada 1 Julai 2016**; dan
- (ii) Kaedah pelaksanaan kelayakan SKM adalah seperti dalam Pekeliling Bilangan 1 Tahun 2011.

4. GAJI KHAS UNTUK PENYANDANG

Bagi pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji dalam JGMM, Ketua Jabatan boleh memohon jadual gaji KUP melalui Unit Sumber Manusia Negeri, Jabatan Ketua Menteri beserta dengan salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai yang telah dikemas kini.

5. TARIKH PERGERAKAN GAJI

Tarikh pergerakan gaji bagi pegawai yang terlibat adalah seperti di **perenggan 80 dan perenggan 81** di Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 dan **perenggan 9** Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2011.

6. TARIKH KUAT KUASA

Tarikh kuat kuasa bagi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 : Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2011 : Kelayakan Sijil Kemahiran Malaysia Bagi Maksud Pelantikan Ke Perkhidmatan Awam ialah mulai **1 Julai 2016**.

7. PEKELILING PERKHIDMATAN

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 : Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2011 : Kelayakan Sijil Kemahiran Malaysia Bagi Maksud Pelantikan Ke Perkhidmatan Awam ini boleh dimuat turun menerusi Laman Web Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia di www.jpa.gov.my.

“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”

“AN HONOUR TO SERVE”



(TAN SRI DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI BIN ABDUL GHANI)
Setiausaha Kerajaan, Sarawak